



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PEKELILING BENDAHARI BIL. 1/2016

EDARAN SEPERTI LAMPIRAN

YBhg. Prof / Prof. Madya / Dr. / Tuan /Puan

PERUBAHAN HAD NILAI , KAEDAH DAN SYARAT BAGI PEROLEHAN KERJA SEHINGGA RM500,000

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.3/2015 (Kali Ke -34) yang telah bersidang pada 7 Oktober 2015 telah bersetuju meluluskan Cadangan Perubahan Kaedah dan Had Nilai Perolehan Universiti selaras dengan 1PP iaitu **PK 2 – Kaedah Perolehan Kerajaan**.

3. Ketua PTj hendaklah mengambilkira nilai perolehan tahunan atau nilai kontrak bagi menentukan kaedah perolehan bagi mengelakkan memecah kecilkan perolehan. Perubahan had nilai, kaedah dan syarat lantikan terus dan Sebut Harga bagi perolehan kerja adalah seperti berikut :

Had Nilai	Kaedah dan Syarat Perolehan	Pihak Berkuasa Melulus
Tidak melebihi RM20,000 setahun atau sesuatu kontrak.	<p>a. Dilaksanakan secara lantikan terus di kalangan kontraktor Gred G1 yang berdaftar dengan CIDB, mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB)</p> <p>b. Kajian pasaran hendaklah dibuat dengan mendapatkan sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran harga daripada kontraktor tempatan/daerah.</p>	Ketua Pusat Tanggungjawab (Ketua PTj)
Melebihi RM20,000 hingga RM50,000 setahun atau sesuatu kontrak.	<p>Dilaksanakan secara Sebut Harga mengikut tatacara Sebut Harga sedia ada.</p> <p>a. Pelawaan dikalangan sekurang-kurangnya lima (5) kontraktor tempatan/daerah Gred G1 yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPPK) mengikut kategori dan pengkhususan yang berkenaan.</p> <p>b. Tempoh notis/iklan dipendekkan kepada tiga (3) hari</p> <p>c. Penilaian Sebut Harga oleh Jawatankuasa Penilaian di peringkat PTj dianggotai sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli termasuk Ketua PTj sebagai pengerusi. Sekiranya Ketua PTj tidak dapat mempengerusikan mesyuarat, beliau boleh menamakan pegawai kanan yang lain.</p>	<p>Jawatankuasa Sebut Harga Universiti 'B' (JKSU 'B')</p> <p><u>Keahlian JKJU 'B'</u> Pengerusi : Timbalan Naib Canselor</p> <p>Ahli : a. Wakil Bendahari b. Wakil Pendaftar c. Wakil Pengarah Pembangunan (kesemua wakil hendaklah terdiri daripada pegawai Gred 44 dan ke atas)</p> <p>Urusetia : Unit Perolehan Pejabat Bendahari</p>
Melebihi RM50,000 hingga RM500,000 setahun atau sesuatu kontrak.	<p>Perolehan melebihi RM50,000 sehingga RM200,000</p> <p>Pelawaan dikalangan sekurang-kurangnya lima (5) kontraktor tempatan/daerah Gred G1 yang berdaftar dengan CIDB dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPPK) mengikut kategori dan pengkhususan yang berkenaan.</p> <p>Sekiranya kontraktor tempatan Gred G1 di daerah berkenaan tidak mencukupi, kontraktor di daerah berhampiran/sempadan boleh dipelawa.</p>	<p>Jawatankuasa Sebut Harga Universiti 'A'. (JKSU- A)</p> <p><i>(Keahlian dan Urusetia JKJU – A adalah sebagaimana keahlian dan Urusetia JKJU)</i></p>

	<p>Perolehan melebihi RM200,000 sehingga RM500,000</p> <p>a. Pelawaan dikalangan sekurang-kurangnya lima (5) kontraktor Gred G2 yang berdaftar dengan CIDB di negeri berkenaan, mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPPK) mengikut kategori dan pengkhususan yang berkenaan.</p> <p>b. Sekiranya kontraktor di negeri berkenaan tidak mencukupi, kontraktor di negeri berhampiran/sempadan boleh dipelawa.</p>	
--	---	--


4. Dokumen Sebut Harga dan penilaian Sebut Harga bagi perolehan kerja yang melebihi had nilai RM50,000 hendaklah disediakan oleh Pejabat Pembangunan, Infra dan Perkhidmatan (PPIP). Sehubungan dengan itu, Ketua PTj hendaklah mengadakan perbincangan dengan Pengarah PPIP/wakil sebelum dokumen Sebut Harga disediakan.

5. Tarikh kuat kuasa Pekeliling ini adalah pada 1 Januari 2016.

Sekian terima kasih.

" SYARIAT ALLAH MEMBIMBING RAJA DAN RAKYAT SEPANJANG ZAMAN "
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,


MOHD YUSRI BIN AWANG
 Bendahari

s.k - YBhg. Prof. Dato' Naib Canselor
 YBhg. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
 YBhg. Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)
 YBhg. Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 YBhg. Penolong Naib Canselor
 Ketua Unit Audit Dalam